



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 849

AKTA THE TITULAR SUPERIOR OF THE BROTHERS OF SAINT GABRIEL (PEMERBADANAN) 1957

(Disemak—2023)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi The Titular Superior of the Brothers of Saint Gabriel (Incorporation) Act 1957 [Act 849]. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

AKTA *THE TITULAR SUPERIOR OF THE BROTHERS OF SAINT GABRIEL* (PEMERBADANAN) 1957

Disemak sehingga	...	...	...	1 Oktober 2023
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i> bagi edisi semakan ini		...	...	16 Oktober 2023
Tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuat kuasanya edisi semakan ini menurut perenggan 6(1)(xxiii) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [<i>Akta I</i>]	...	...	...	17 Oktober 2023

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1957 sebagai
Ordinan No. 21 tahun 1957

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 849*****AKTA THE TITULAR SUPERIOR OF THE BROTHERS OF
SAINT GABRIEL (PEMERBADANAN) 1957***

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Perbadanan *The Titular Superior of the Brothers of Saint Gabriel*
4. Meterai perbadanan
5. Pemberitahuan pelantikan *Titular Superior*
6. Perbadanan hendaklah mempunyai pejabat di Semenanjung Malaysia

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 849

AKTA *THE TITULAR SUPERIOR OF THE BROTHERS OF SAINT GABRIEL* (PEMERBADANAN) 1957

Suatu Akta untuk memperbadankan *Titular Superior of the Congregation of the Brothers of Christian Instruction of Saint Gabriel* di Semenanjung Malaysia.

[1 Julai 1957]

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta *The Titular Superior of the Brothers of Saint Gabriel* (Pemerbadanan) 1957.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Perbadanan” ertinya *The Titular Superior of the Brothers of Saint Gabriel*, Semenanjung Malaysia sebagaimana yang diperbadankan di bawah seksyen 3;

“pengganti dalam jawatan” termasuklah *Brother Procurator of the Congregation of the Brothers of Christian Instruction of Saint Gabriel* di Semenanjung Malaysia apabila jawatan *Titular Superior* menjadi kosong kerana peletakan jawatan atau kematian pemegang jawatan *Titular Superior* itu sehingga pengambilalihan formal jawatan oleh seorang pengganti.

Pemerbadanan *The Titular Superior of the Brothers of Saint Gabriel*

3. (1) *Reverend Brother Vincent, Titular Superior of the Congregation of the Brothers of Christian Instruction of Saint Gabriel* di Semenanjung Malaysia, dan pengganti dalam jawatannya, hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan nama "*The Titular Superior of the Brothers of Saint Gabriel, Peninsular Malaysia*" dan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai meterai perbadanan.

(2) Perbadanan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(3) Perbadanan boleh—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati tiap-tiap perihalan harta alih dan harta tak alih atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan; dan
- (c) menjual, memindahkan, menyerahkan, menukar, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahkan semula, memindahmilikkan atau selainnya melupuskan mana-mana harta alih atau harta tak alih yang terletak hak pada perbadanan atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan.

Meterai perbadanan

4. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang menghendaki meterai Perbadanan dimeteraikan dengan meterai Perbadanan di hadapan—

- (a) *Titular Superior*;
- (b) apabila jawatan *Titular Superior* kosong, *Brother Procurator*; atau
- (c) wakil *Titular Superior* atau *Brother Procurator* yang diberi kuasa dengan sewajarnya melalui satu surat kuasa wakil yang didepositkan menurut seksyen 4 Akta Surat Kuasa Wakil 1949 [Akta 424].

(3) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang telah dimeterai dengan sewajarnya di bawah subseksyen (2) hendaklah ditandatangani oleh *Titular Superior*, *Brother Procurator* atau wakil yang telah diberi kuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Penandatanganan surat ikatan, dokumen atau surat cara lain itu hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi mengenai pemeteraian yang sewajarnya surat ikatan, dokumen atau surat cara lain itu dan meterai itu ialah meterai yang sah bagi Perbadanan.

Pemberitahuan pelantikan *Titular Superior*

5. Suatu pemberitahuan dalam *Warta* mengenai pelantikan mana-mana orang—

- (a) ke jawatan *Titular Superior* atau *Brother Procurator of the Congregation of the Brothers of Christian Instruction of Saint Gabriel*, Semenanjung Malaysia; atau
- (b) untuk bertindak sebagai *Titular Superior* atau *Brother Procurator* yang demikian,

hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa orang itu telah diberi kuasa dengan sewajarnya untuk menjalankan kuasa yang

diberikan kepada *Titular Superior* atau *Brother Procurator*, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah Akta ini.

Perbadanan hendaklah mempunyai pejabat di Semenanjung Malaysia

6. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu pejabat di Semenanjung Malaysia.

(2) Alamat pejabat dan apa-apa perubahan alamat kemudiannya hendaklah diberitahu kepada Setiausaha Menteri yang bertanggungjawab bagi kebajikan masyarakat, dan butir-butir alamat hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 849****AKTA *THE TITULAR SUPERIOR OF THE BROTHERS OF SAINT GABRIEL* (PEMERBADANAN) 1957**

(Disemak — 2023)

Butir-butir di bawah perenggan 7(ii) dan (iii)
Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
-------------------------------	---------------	--------------------

-TIADA-

**SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA YANG
DIGANTI**

No.	Tajuk
No. 21 tahun 1957	Ordinan <i>The Titular Superior of the Brothers of Saint Gabriel</i> (Pemerbadanan), 1957
